

**MAYBAN GENERAL ASSURANCE BERHAD (4157-A)**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**Laporan Para Pengarah dan Penyata Kewangan yang Telah Diaudit**  
**30 Jun 2008**

**MAYBAN GENERAL ASSURANCE BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**KANDUNGAN**

**MUKA SURAT**

Laporan Para Pengarah	1 - 11
Penyata Para Pengarah	12
Akuan Berkanun	12
Laporan Juruaudit Bebas	13 - 14
Lembaran Imbangan	15
Penyata Perubahan dalam Ekuiti	16 - 17
Penyata Pendapatan	18
Akaun Hasil Insurans Am	19
Penyata Aliran Tunai	20 - 21
Nota-Nota kepada Penyata Kewangan	22 - 73

**MAYBAN GENERAL ASSURANCE BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**LAPORAN PARA PENGARAH**

Para pengarah dengan sukacita membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2008.

**KEGIATAN UTAMA**

Kegiatan utama Syarikat adalah pengunderaitan bagi semua kelas perniagaan insurans am.

Tiada sebarang perubahan nyata terhadap kegiatan utama ini sepanjang tahun kewangan.

**KEPUTUSAN**

**RM'000**

Keuntungan bersih bagi tahun kewangan

65,886

Tiada sebarang pindahan yang matan kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan semasa selain daripada yang dibentangkan dalam penyata perubahan dalam ekuiti.

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Syarikat sepanjang tahun kewangan semasa tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa penting dan luarbiasa, selain daripada perubahan dalam dasar-dasar perakaunan dan kesan daripada penerimagunaan piawai laporan kewangan ("FRS") yang baru dan disemak semula seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.3 penyata kewangan.

**DIVIDEN**

Tiada dividen dibayar atau dikemukakan oleh Syarikat sejak akhir tahun kewangan sebelumnya.

Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang pembayaran dividen akhir bagi tahun kewangan semasa.

## **PARA PENGARAH**

Para Pengarah Syarikat yang telah memegang jawatan sejak tarikh laporan terakhir dan pada tarikh laporan ini dibentangkan adalah seperti berikut:

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor (Pengerusi)  
Damis Jacobus Ziengs (Naib Pengerusi)  
Sulaiman bin Salleh  
Tee Keng Sing  
Hans J. J. De Cuyper

## **URUSTADBIR KORPORAT**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan pelaksanaan urustadbir korporat dalam Syarikat pada taraf yang tertinggi. Ini adalah sebahagian asas pelaksanaan tanggungjawab mereka bagi memelihara dan mempertingkatkan nilai pemegang kepentingan dan prestasi kewangan Syarikat.

### **(a) Tanggungjawab Lembaga Pengarah**

Dalam melaksanakan tugas, Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab mematuhi Akta Insurans (“Akta”) dan Peraturan, 1996 dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia (“BNM”), termasuk JPI/GPI 1 (Penyatuan): Piawai Minimum untuk Pengurusan Hemat Syarikat Insurans dan arahan lain. Mereka juga harus mematuhi rukun asas urustadbir korporat dengan mengamalkan praktis terbaik seperti yang telah dinyatakan dalam JPI/GPI 25 (Penyatuan): Rangka Hemat Urustadbir Korporat bagi Syarikat Insurans. Selain daripada tanggungjawab berkanun, Lembaga Pengarah juga meluluskan keputusan-keputusan utama Syarikat berkaitan dengan pelaburan, pelupusan dan pembiayaan. Mereka memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai bagi mengurus risiko, mengkaji dan meluluskan strategi dan objektif kewangan bagi pelaksanaan pihak pengurusan. Tugas-tugas ini dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah secara langsung dan/atau melalui pelbagai jawatankuasa.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab mewujudkan rangka kerja dan polisi operasi Syarikat dan pihak pengurusan pula bertanggungjawab melaksanakannya. Pengasingan tugas ini memperkukuhkan lagi peranan penyeliaan yang dipegang oleh Lembaga Pengarah.

Oleh itu, Syarikat mempunyai struktur organisasi yang jelas menunjukkan semua saluran pelaporan di samping dokumentasi huraian bidang kerja bagi semua kakitangan pengurusan dan eksekutif, dan penilaian prestasi yang formal dilaksanakan setiap tahun.

## URUSTADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

### (a) Tanggungjawab Lembaga Pengarah (Sambungan)

Para pengarah dengan latar belakang dan pengalaman yang berbeza-beza, apabila digabungkan membawa kemahiran dan pengetahuan khusus yang meluas, yang diperlukan untuk pengurusan Syarikat.

Sepanjang tahun kewangan, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak 5 kali dan kehadiran para pengarah adalah seperti berikut:

Nama	Bilangan mesyuarat Lembaga Pengarah	
	Kehadiran	%
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor (Pengerusi)	5/5	100
Damis Jacobus Ziengs (Naib Pengerusi)	5/5	100
Sulaiman bin Salleh	5/5	100
Tee Keng Sing *	1/5	20
Hans J. J. De Cuyper	5/5	100

\* BNM telah meluluskan kehadiran yang kurang daripada 75% atas alasan perubahan.

### (b) Kebertanggungjawaban Pengurusan

Sementara Lembaga Pengarah bertanggungjawab mewujudkan rangka kerja dan polisi operasi Syarikat, pihak pengurusan pula bertanggungjawab dalam pelaksanaan polisi tersebut dan pencapaian objektif korporat Syarikat.

### (c) Kebebasan Korporat

Semua urusan ketara dengan pihak yang berkaitan telah dinyatakan dalam Nota 26 penyata kewangan.

### (d) Kawalan Dalaman dan Audit

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan ke atas kawalan dalaman Syarikat dan keberkesannya. Lembaga Pengarah mengenalpasti bahawa risiko tidak boleh ditinggalkan sepenuhnya, oleh itu, sistem dan proses tertentu dilaksanakan bertujuan bagi mengurangkan dan mengurus risiko tersebut. Syarikat juga telah melaksanakan kawalan dalaman yang merangkumi semua lapisan kakitangan dan proses perniagaan untuk memastikan operasi Syarikat berjalan dengan berkesan dan cekap dan juga menjaga aset-aset Syarikat dan kepentingan pihak-pihak yang berkepentingan. Penilaian berterusan ke atas keberkesanan dan kecukupan kawalan dalaman yang merangkumi pemeriksaan bebas ke atas kawalan oleh fungsi audit dalaman memastikan tindakan pembetulan diambil dengan segera jika perlu.

## **URUSTADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)**

### **(d) Kawalan Dalam dan Audit (Sambungan)**

Laporan audit dalaman dijadualkan di mesyuarat Jawatankuasa Audit ("AC") yang pertama selepas tarikh penerimaan laporan-laporan tersebut. Fungsi audit dalaman melapor kepada Lembaga Pengarah menerusi AC, dan keputusan dan syor-syor akan disampaikan ke pihak pengurusan kanan dan kesemua peringkat kakitangan yang berkenaan. AC telah ditubuhkan pada peringkat syarikat induk.

Komposisi AC adalah seperti berikut:

Sulaiman bin Salleh (Pengerusi) (dilantik sebagai Pengerusi pada 11 Januari 2008)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Damis Jacobus Ziengs  
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Haji Abdul Rahman bin Mohd Ramli  
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Dr. Syed Othman bin Syed Hussin Alhabshi  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Syed Tamim Ansari Syed Mohamed (dilantik pada 17 Disember 2007)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja  
Muhd Ali (meletak jawatan pada 30 September 2007)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

AC telah bermesyuarat sebanyak 5 kali sepanjang tahun kewangan.

### **(e) Pengurusan Risiko**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab dalam penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC"). Objektif utama RMC adalah untuk menyelia aktiviti pihak pengurusan kanan dalam mengurus risiko-risiko utama Syarikat dan memastikan proses pengurusan risiko dilaksanakan dan berfungsi secara berkesan.

Syarikat telah menubuhkan RMC pada peringkat syarikat induk. Dalam melaksanakan tugasnya, RMC dibantu oleh Jawatankuasa Pelaburan pihak Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti ("ALCO") pihak pengurusan.

Rangka kerja pengurusan risiko bagi Syarikat terdiri daripada tiga komponen penting, iaitu perangkaan dasar, penyeliaan dan kawalan, serta penerimaan risiko, manakala pendekatan pengurusan risiko adalah berasaskan tiga peringkat pertahanan iaitu unit pengambilan risiko, kawalan dan kordinasi risiko dan audit dalaman.

## **URUSTADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)**

### **(e) Pengurusan Risiko (Sambungan)**

Risiko pula telah diklasifikasikan kepada tiga kategori utama, yang terdiri daripada risiko insurans, risiko kewangan (termasuk risiko pasaran, risiko kredit dan risiko lembaran imbalan) serta risiko operasi.

Terdapat proses yang berterusan bagi mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko-risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat. Ia dicapai melalui fungsi-fungsi pengurusan yang telah ditetapkan dan kawalan dalaman, yang merangkumi perwujudan had-had risiko operasi bagi kesemua aktiviti-aktiviti teras.

Komposisi RMC adalah seperti berikut:

Datuk Syed Tamim Ansari Syed (dilantik sebagai ahli pada 17 Disember 2007  
Mohamed (Pengerusi) dan Pengerusi pada 11 Januari 2008)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Petrus Bernardus Gerardus van Harten  
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Haji Abdul Rahman bin Mohd Ramli  
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja (meletak jawatan pada 30 September 2007)  
Muhd Ali  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

RMC telah bermesyuarat sebanyak 3 kali sepanjang tahun kewangan.

### **(f) Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan**

Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab menubuhkan Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan. Syarikat akan terus menggunakan khidmat Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan syarikat induk muktamad, Kumpulan Malayan Banking Berhad ("MBB") sebagai sebahagian daripada struktur urustadbir Syarikat.

Objektif utama Jawatankuasa Pencalonan adalah untuk mewujudkan prosedur yang didokumentasikan, formal dan nyata bagi perlantikan para pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menilai keberkesanan para pengarah, Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan lain-lain jawatankuasa Lembaga Pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama.

Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan pula bertanggungjawab menyediakan prosedur formal yang jelas bagi mengasaskan polisi ganjaran bagi para pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama dan memastikan ganjaran mereka adalah berdaya saing dan selaras dengan budaya, objektif dan strategi Syarikat.

**URUSTADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)**

**(f) Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan (Sambungan)**

Komposisi Jawatankuasa Pencalonan adalah seperti berikut:

Haji Mohd Hashir bin Haji Abdullah  
(Pengerusi) (dilantik sebagai Pengerusi pada 1 Oktober 2007)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Haji Abdul Rahman bin Mohd Ramli  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Zainun Aishah binti Ahmad (dilantik pada 1 Oktober 2007)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Syed Tamim Ansari Syed Mohamed (dilantik pada 11 Oktober 2007)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja  
Muhd Ali (meletak jawatan pada 29 September 2007)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Mohammad bin Abdullah (meletak jawatan pada 29 September 2007)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Jawatankuasa Pencalonan telah bermesyuarat sebanyak 8 kali sepanjang tahun kewangan.

Komposisi Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan adalah seperti berikut:

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin  
Megat Mohd Nor (Pengerusi) (dilantik sebagai Pengerusi pada 1 Oktober 2007)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Haji Abdul Rahman bin Mohd Ramli  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Zainun Aishah binti Ahmad (dilantik pada 1 Oktober 2007)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Tan Sri Dato' Sri Chua Hock Chin (dilantik pada 1 Oktober 2007)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

**URUSTADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)**

**(f) Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan (Sambungan)**

Mohammad bin Abdullah (meletak jawatan pada 29 September 2007)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja  
Muhd Ali (meletak jawatan pada 29 September 2007)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Teh Soon Poh (meletak jawatan pada 29 September 2007)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan telah bermesyuarat sebanyak 12 kali sepanjang tahun.

**(g) Jawatankuasa Pelaburan**

Jawatankuasa Pelaburan ("IC") telah ditubuhkan di peringkat subsidiari Syarikat, iaitu Mayban Life Assurance Berhad. Namun begitu, keahliannya, tugas dan tanggungjawabnya bukan setakat Mayban Life Assurance Berhad tetapi merangkumi semua syarikat beroperasi di bawah Mayban Fortis Holdings Berhad yang terdiri daripada Mayban General Assurance Berhad, Etiqa Insurance Berhad dan Etiqa Takaful Berhad.

Objektif utama IC adalah untuk memberikan pendapat ke atas polisi pelaburan strategik jangka masa panjang termasuk hartanah, sebagai saranan kepada Mesyuarat Pengurusan Risiko ("RMM")/RMC/Lembaga Pengarah berasaskan nasihat ALCO, untuk melaksanakan polisi pelaburan taktikal berasaskan cadangan pengurus pelaburan dan dalam garis sempadan yang telah dinyatakan di Mandat Pengurusan Pelaburan ("IMM"), untuk menguji polisi yang telah dilaksanakan oleh pengurus pelaburan dan membezakannya dengan polisi pelaburan taktikal dan strategik/mandat pengurusan aset, untuk menilai dan meluluskan polisi operasi dilaksanakan oleh Pengurusan Pelaburan ("IM") dan juga untuk menilai, merundingkan syarat dengan melantik atau memecat pengurus dana luaran, pentadbir, bank dan pengantara kewangan lain.

IC melapor kepada Lembaga Pengarah kesemua syarikat beroperasi di bawah Mayban Fortis Holdings Berhad.

Komposisi IC adalah seperti berikut:

Sulaiman bin Salleh  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Haji Abdul Rahman bin Mohd Ramli  
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

**URUSTADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)**

**(g) Jawatankuasa Pelaburan (Sambungan)**

Datuk Dr. Syed Othman bin Syed Hussin Alhabshi  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Hans J. J. De Cuyper  
Pengurusan Kanan

Hugo Philip Van Vledder (dilantik pada 17 Disember 2007)  
Pengurusan Kanan

Norlia Mat Yusof  
Pengurusan Kanan

See Toong Chow  
Pengurusan Kanan

Haji Mohd. Tarmidzi bin Ahmad Nordin  
Pengurusan Kanan

Amirudin bin Abdul Halim (dilantik pada 1 Disember 2007)  
Pengurusan Kanan

Y. Bhg. Senator Tan Sri Amirsham A. Aziz (meletak jawatan pada 18 Mac 2008)  
Pengarh Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Haji Aminuddin bin Md. Desa (meletak jawatan pada 1 Disember 2007)  
Pengarh Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Zainal Abidin bin Mohd Noor (meletak jawatan pada 28 Februari 2008)  
Pengurusan Kanan

IC telah bermesyuarat sebanyak 4 kali sepanjang tahun kewangan.

**(h) Kebertanggungjawaban Awam**

Sebagai pentadbir dana awam, urusan Syarikat dengan orang awam sentiasa dilaksanakan secara adil, jujur dan profesional.

**(i) Laporan Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab membentangkan penilaian yang seimbang dan komprehensif berkaitan dengan operasi dan prospek Syarikat pada setiap kali penyata kewangan tahunan diterbitkan untuk pemegang saham. AC pula membantu meneliti maklumat yang dibentangkan bagi memastikan ketepatan, kesesuaian dan kesempurnaannya.

## MANFAAT PARA PENGARAH

Pada penghujung tahun kewangan, mahupun sepanjang tahun kewangan, tidak wujud sebarang pengaturan oleh Syarikat yang membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat, kecuali opsyen saham yang akan diberikan melalui Skim Opsyen Saham Kakitangan Kumpulan Maybank (“ESOS”) syarikat induk muktamad.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang disertakan dalam jumlah agregat daripada emolumen diterima atau dibayar dan barbayar kepada para pengarah seperti yang dinyatakan dalam Nota 18 penyata kewangan akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat perbadanan berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana dia adalah ahli, atau dengan syarikat di mana dia mempunyai kepentingan kewangan yang nyata melainkan seperti yang dinyatakan dalam Nota 26 penyata kewangan.

## KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Berdasarkan daftar pemegangan saham para pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham Syarikat dan saham di bawah opsyen dalam syarikat induk muktamad, MBB, sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa RM1 setiap satu				
	Pelaksanaan				
Syarikat	1 Julai 2007	ESOS/ Dibeli	Terbitan Bonus	Dijual	30 Jun 2008
Tee Keng Sing					
- langsung	45,000	-	-	-	45,000
- tidak langsung	4,860,000	-	-	-	4,860,000
<b>Syarikat induk muktamad:</b>					
<b>MBB</b>					
Kepentingan langsung:					
Sulaiman bin Salleh	40,000	20,000	13,500	16,000	57,500
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor	-	5,000	-	-	5,000
Kepentingan tidak langsung:*					
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor	10,000	5,000	2,500	-	17,500

**KEPENTINGAN PARA PENGARAH (SAMBUNGAN)**

	Tarikh opsyen	Harga opsyen RM	Bilangan opsyen untuk saham biasa RM1 setiap satu			
			1 Julai 2007	Diberikan	Dilaksana -kan	30 Jun 2008
<b>MBB</b>						
Sulaiman bin						
Salleh	14.11.2005	9.92	15,000	-	15,000	-
	14.11.2006	10.19	15,000	-	5,000	10,000

Selain daripada yang dinyatakan, tiada pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham Syarikat atau syarikat-syarikat perbadanan berkaitannya sepanjang tahun kewangan.

\* termasuk kepentingan anak-anak dalam Daftar Pemegangan Saham Para Pengarah menurut Seksyen 134(12)(c) Akta Syarikat, 1965 (dipinda), mulai dari 15 Ogos 2007.

**MAKLUMAT BERKANUN LAIN**

- (a) Sebelum lembaran imbangan dan penyata pendapatan Syarikat telah dinyatakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah:
- (i) untuk memastikan tindakan yang betul telah diambil berkenaan penghapuskiraan hutang lapuk dan peruntukan untuk hutang ragu dan para pengarah berpuas hati bahawa tidak terdapat sebarang hutang lapuk yang diketahui dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu; dan
  - (ii) untuk memastikan sebarang aset semasa yang nilainya mungkin tidak dapat direalisasikan seperti mana yang ditunjukkan dalam rekod perakaunan dalam urusan perniagaan harian telah diturunkan nilainya kepada jumlah yang mungkin dapat direalisasikan.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui akan sebarang keadaan yang mungkin mengakibatkan:
- (i) jumlah hutang lapuk yang dihapuskira dan jumlah peruntukan untuk hutang ragu dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi dengan ketara; dan
  - (ii) nilai aset semasa dinyatakan dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui akan sebarang keadaan yang mungkin timbul sejurusnya yang mengakibatkan kaedah penilaian terkini aset atau liabiliti Syarikat mengelirukan dan tidak bersesuaian.

**MAKLUMAT BERKANUN LAIN (SAMBUNGAN)**

(d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui akan sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang akan mengakibatkan mana-mana jumlah dibentangkan dalam penyata kewangan mengelirukan.

(e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

(i) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau

(ii) sebarang liabiliti luar jangkaan yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

(f) Pada pendapat para pengarah:

(i) tiada liabiliti luar jangkaan atau liabiliti lain yang telah dikuatkuasakan atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Syarikat untuk memenuhi obligasinya apabila perlu; dan

(ii) tiada sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan luar biasa yang timbul diantara tempoh akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini dibuat yang mungkin menjejaskan keputusan operasi Syarikat secara ketara untuk tahun kewangan dimana laporan ini dibuat.

Untuk tujuan perenggan (e) dan (f), liabiliti luar jangkaan atau liabiliti-liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang timbul daripada kontrak pengunderaitan insurans yang dibuat dalam perniagaan biasa Syarikat.

(g) Sebelum lembaran imbangan dan penyata pendapatan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan peruntukan secukupnya dibuat bagi tuntutan yang telah berlaku termasuk Tuntutan yang Berlaku tetapi Belum Dilaporkan (“IBNR”).

**JURUAUDIT**

Juruaudit, Ernst & Young telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perlantikan semula sebagai juruaudit.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah bertarikh 11 Ogos 2008.

MEGAT ZAHARUDDIN BIN MEGAT MOHD NOR

HANS J. J. DE CUYPER

**MAYBAN GENERAL ASSURANCE BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PARA PENGARAH  
MENURUT PERUNTUKAN SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965**

Kami, MEGAT ZAHARUDDIN BIN MEGAT MOHD NOR dan HANS J. J. DE CUYPER, selaku dua daripada para pengarah MAYBAN GENERAL ASSURANCE BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 15 hingga 73 disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Laporan Kewangan di Malaysia bagi memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 30 Jun 2008 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah pada 11 Ogos 2008.

MEGAT ZAHARUDDIN BIN MEGAT MOHD NOR

HANS J. J. DE CUYPER

**AKUAN BERKANUN  
MENURUT PERUNTUKAN SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965**

Saya, SEE TOONG CHOW, selaku pengarah yang bertanggungjawab terutamanya ke atas pengurusan kewangan MAYBAN GENERAL ASSURANCE BERHAD, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 15 hingga 73, sebaik-baik kepercayaan saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya  
oleh SEE TOONG CHOW yang tersebut di atas  
di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan  
pada 11 Ogos 2008

SEE TOONG CHOW

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

4157-A

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI  
MAYBAN GENERAL ASSURANCE BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Laporan penyata kewangan**

Kami telah mengaudit penyata kewangan Mayban General Assurance Berhad, yang terdiri daripada lembaran imbalan Syarikat pada 30 Jun 2008, penyata pendapatan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir tersebut dan ringkasan polisi perakaunan yang penting serta nota penjelasan yang lain pada muka surat 15 hingga 73.

***Tanggungjawab para Pengarah ke atas penyata kewangan***

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab ke atas penyediaan dan pembentangan penyata-penyata kewangan ini dengan adil dan sejajar dengan Piawaian Laporan Kewangan serta Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: merangka, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang adil dan bebas daripada salah nyata yang matan, tidak kira akibat penipuan ataupun kesilapan; memilih dan menggunakan polisi perakaunan yang sesuai; dan membuat anggaran perakaunan yang wajar untuk semua keadaan.

***Tanggungjawab Juruaudit***

Tanggungjawab kami adalah menyatakan pendapat tentang penyata-penyata kewangan ini berdasarkan pengauditan kami. Kami menjalankan pengauditan kami berdasarkan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi keperluan etika dan merancang serta menjalankan pengauditan untuk mendapat kepastian sewajarnya sama ada penyata-penyata kewangan itu bebas daripada salah nyata yang matan.

Pengauditan melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti pengauditan tentang jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, dan termasuk penilaian risiko tentang salah nyata yang matan dalam penyata kewangan, tidak kira akibat penipuan ataupun kesilapan. Semasa penilaian risiko itu, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan Syarikat dan pembentangan penyata-penyata kewangan yang adil untuk merangka prosedur pengauditan yang sesuai dengan keadaan, dan bukan untuk tujuan menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kewajaran jangkaan perakaunan yang dilakukan oleh para pengarah dan menilai pembentangan penyata-penyata kewangan secara keseluruhannya.

Kami percaya bahawa bukti pengauditan yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah untuk pendapat kami.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI  
MAYBAN GENERAL ASSURANCE BERHAD (SAMBUNGAN)  
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Laporan penyata kewangan (Sambungan)**

***Pendapat***

Pada pendapat kami, penyata-penyata kewangan itu telah disediakan mengikut Piawaian Laporan Kewangan dengan segala pengubahsuaian dan pengecualian seperti yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia dan Akta Syarikat 1965 di Malaysia untuk memberikan pandangan yang benar dan adil tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 30 Jun 2008 dan juga prestasi kewangan dan aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir tersebut.

**Laporan tentang keperluan perundangan dan pengawalan lain**

Mengikut keperluan dalam Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga membuat laporan tentang perkara berikut:

Pada pendapat kami, rekod-rekod perakaunan dan lain-lain serta daftar-daftar yang diperlukan oleh Akta disimpan oleh Syarikat dengan baik menurut peruntukan Akta.

**Perkara-perkara lain**

Laporan ini hanya disediakan untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai perbadanan, menurut Seksyen 174 dalam Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukannya untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab ke atas sesiapa tentang kandungan laporan ini.

ERNST & YOUNG  
AF: 0039  
Akauntan Bertauliah

GLORIA GOH EWE GIM  
No. 1685/04/09(J)  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia  
Tarikh

**MAYBAN GENERAL ASSURANCE BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**LEMBARAN IMBANGAN**  
**PADA 30 JUN 2008**

	Nota	2008 RM'000	2007 RM'000
<b>ASET</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	3	45,687	47,637
Hartanah pelaburan	4	1,430	1,430
Pajakan tanah prabayar	5	8,088	8,192
Aset tidak ketara	6	39	603
Pelaburan	7	634,668	573,337
Pinjaman kakitangan	8	8,460	6,856
Penghutang	9	48,993	45,069
Tunai dan baki di bank		22,520	16,102
<b>JUMLAH ASET</b>		<u>769,885</u>	<u>699,226</u>
<b>EKUITI, DANA INSURANS DAN LIABILITI</b>			
<b>Equiti</b>			
Modal Saham	10	178,171	178,171
Rizab		221,815	143,686
		<u>399,986</u>	<u>321,857</u>
<b>Dana insurans</b>			
Rizab permium belum tamat	11	117,445	115,756
<b>Liabiliti</b>			
Cukai tertunda	12	1,164	3,533
Peruntukan tuntutan tertunggak	13	195,742	197,978
Pemiutang	14	50,595	53,187
Cukai belum bayar		4,953	6,915
		<u>252,454</u>	<u>261,613</u>
<b>JUMLAH EKUITI, DANA INSURANS DAN LIABILITI</b>		<u>769,885</u>	<u>699,226</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

**MAYBAN GENERAL ASSURANCE BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2008**

Nota	Modal saham RM'000	Tidak boleh diagih Rizab pertukaran matawang RM'000	← Boleh diagih →		Jumlah RM'000
			Rizab khas (Nota 22) RM'000	Keuntungan terkumpul RM'000	
<b>Pada 1 Julai 2006</b>	178,171	16,672	63,202	3,334	261,379
Perbezaan pertukaran matawang, mewakili kerugian bersih yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti	-	(6,185)	-	-	(6,185)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	-	-	-	66,663	66,663
Jumlah pendapatan diiktiraf untuk tahun kewangan	-	(6,185)	-	66,663	60,478
<b>Pada 30 Jun 2007</b>	178,171	10,487	63,202	69,997	321,857

**MAYBAN GENERAL ASSURANCE BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2008 (SAMBUNGAN)**

	Modal saham	Tidak boleh diagih Rizab pertukaran matawang	← Boleh diagih → Rizab khas (Nota 22)	Keuntungan terkumpul	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>Pada 1 Julai 2007</b>	178,171	10,487	63,202	69,997	321,857
Perbezaan pertukaran matawang, mewakili keuntungan bersih yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti	-	12,243	-	-	12,243
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	-	-	-	65,886	65,886
Jumlah pendapatan diiktiraf untuk tahun kewangan	-	12,243	-	65,886	78,129
<b>Pada 30 Jun 2008</b>	<b>178,171</b>	<b>22,730</b>	<b>63,202</b>	<b>135,883</b>	<b>399,986</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

**MAYBAN GENERAL ASSURANCE BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PENDAPATAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2008**

	Nota	2008 RM'000	2007 RM'000
Hasil operasi	15	374,493	369,234
Pindahan lebih dari akaun hasil		85,323	92,146
Pendapatan pelaburan	17	3,143	1,380
Perbelanjaan pengurusan	18	(868)	(1,512)
(Perbelanjaan)/pendapatan (bersih) lain	19	(2,244)	3,600
Keuntungan sebelum cukai		85,354	95,614
Cukai	20	(19,468)	(28,951)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		65,886	66,663
Pendapatan sesaham - Asas (sen)	21	37.0	37.4

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asas penyata kewangan ini.

**MAYBAN GENERAL ASSURANCE BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**AKAUN HASIL INSURANS AM**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2008**

Nota	Kebakaran		Motor		Marin, Udara & Transit		Lain-lain		Jumlah		
	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	2008	2007	
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	
Premium kasar	105,148	103,747	73,425	69,938	10,800	8,915	151,800	156,635	341,173	339,235	
Insurans semula	(22,618)	(21,259)	(2,537)	(2,587)	(4,254)	(3,168)	(25,406)	(25,053)	(54,815)	(52,067)	
Premium bersih	82,530	82,488	70,888	67,351	6,546	5,747	126,394	131,582	286,358	287,168	
Pengurangan/(peningkatan) dalam rizab premium belum tamat	11	187	3,772	(4,040)	4,513	(26)	135	2,425	(6,061)	(1,454)	2,359
Premium diperolehi		82,717	86,260	66,848	71,864	6,520	5,882	128,819	125,521	284,904	289,527
Tuntutan bersih (dibayar)/dimasuk kira semula	16	(20,040)	(24,795)	(66,185)	(58,514)	(6,354)	279	(39,718)	(49,480)	(132,297)	(132,510)
Komisen bersih		(10,686)	(12,022)	(9,470)	(8,579)	(1,107)	(955)	(20,697)	(22,037)	(41,960)	(43,593)
Lebih pengunderaitan sebelum perbelanjaan pengurusan		51,991	49,443	(8,807)	4,771	(941)	5,206	68,404	54,004	110,647	113,424
Perbelanjaan pengurusan	18									(55,974)	(56,797)
Lebih pengunderaitan										54,673	56,627
Pendapatan pelaburan	17									30,177	28,619
Pendapatan bersih lain	19									473	6,900
Pemindahan kepada penyata pendapatan										85,323	92,146

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

**MAYBAN GENERAL ASSURANCE BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2008**

	<b>2008</b>	<b>2007</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI</b>		
Keuntungan sebelum cukai	85,354	95,614
Pelarasan untuk:		
Peningkatan/(pengurangan) dalam rizab premium belum tamat	1,454	(2,359)
Masuk kira semula peruntukan hutang ragu	(5,555)	(3,070)
Pendapatan faedah	(22,667)	(21,745)
Perbelanjaan faedah	-	2
Pendapatan dividen kasar	(5,330)	(3,665)
Keuntungan daripada pelupusan pelaburan	(6,474)	(7,794)
Peruntukan/(masuk kira semula) pengurangan nilai pelaburan bersih	6,866	(3,204)
Pelunasan premium/(pertambahan diskaun) bersih	71	(274)
Masuk kira semula pelaburan	-	(631)
Pelunasan aset tidak ketara	572	647
Pelunasan pajakan tanah prabayar	104	104
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	2,501	2,506
Keuntungan penjualan hartanah, loji dan peralatan	(18)	(109)
Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	-	26
Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek	170	44
Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti operasi	57,048	56,092
Peningkatan bersih dalam pinjaman	(1,604)	(33)
Pembelian pelaburan	(167,846)	(164,842)
Perolehan daripada penjualan/kematangan pelaburan	151,334	128,763
Peningkatan bersih dalam deposit berstruktur	(4,000)	(15,000)
Peningkatan bersih dalam perjanjian tetap, belian semula dan deposit panggilan	(30,938)	(28,203)
Pengurangan jumlah terhutang daripada yang diinsuranskan, ejen, broker, penanggung ko-insurans dan insurans semula	206	11,639
Pertambahan/(pengurangan) dalam pelbagai penghutang	1,153	(4,966)
(Pengurangan)/pertambahan dalam tuntutan belum dibayar	(2,565)	15,799
Peningkatan jumlah terhutang kepada yang diinsuranskan, ejen, broker, penanggung ko-insurans dan insurans semula	711	2,418
(Pengurangan)/pertambahan dalam pelbagai penghutang	(4,048)	10,029
Perubahan pertukaran asing	1,448	(554)
Tunai diperolehi daripada operasi	899	11,142

**MAYBAN GENERAL ASSURANCE BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2008 (SAMBUNGAN)**

	<b>2008</b>	<b>2007</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI (SAMBUNGAN)</b>		
Faedah diterima	24,164	20,311
Faedah dibayar	-	(2)
Dividen bersih diterima	4,314	3,128
Dividen bersih dibayar	154	-
Cukai bersih dibayar	(23,160)	(26,201)
Tunai bersih diperolehi daripada aktiviti-aktiviti operasi	<u>6,371</u>	<u>8,378</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(459)	(2,454)
Pembelian aset tidak ketara	(5)	(26)
Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	18	110
Boleh pulih dari pelaburan terjejas	-	631
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pelaburan	<u>(446)</u>	<u>(1,739)</u>
<b>PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN BAKI DI BANK</b>	5,925	6,639
<b>KESAN PERUBAHAN TUKARAN ASING</b>	493	(111)
<b>TUNAI DAN BAKI DI BANK PADA AWAL TAHUN</b>	<u>16,102</u>	<u>9,574</u>
<b>TUNAI DAN BAKI DI BANK PADA AKHIR TAHUN</b>	<u>22,520</u>	<u>16,102</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

**MAYBAN GENERAL ASSURANCE BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**30 JUN 2008**

**1. MAKLUMAT KORPORAT**

Kegiatan utama Syarikat adalah pengunderaitan bagi semua kelas perniagaan insurans am. Tiada sebarang perubahan nyata terhadap kegiatan-kegiatan utama sepanjang tahun kewangan.

Syarikat adalah syarikat liabiliti terhad umum yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Premis perniagaan utama Syarikat terletak di Mayban Assurance Tower, Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.

Syarikat induk dan syarikat induk muktamad bagi Syarikat ialah Mayban Fortis Holdings Berhad ("MFHB") dan Malayan Banking Berhad ("MBB"), yang kedua-duanya pun diperbadankan di Malaysia. MBB merupakan sebuah bank komersial berlesen yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Penyata kewangan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan mengikut resolusi para pengarah pada 11 Ogos 2008.

**2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN**

**2.1 Asas Penyediaan**

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah, kecuali penilaian hartanah pelaburan diukur pada nilai saksama dan mematuhi Piawai Laporan Kewangan ("FRS") di Malaysia, Akta Syarikat, 1965, Akta Insurans, 1996 dan Garis Panduan/Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") di Malaysia.

Aset dan liabiliti berkaitan dengan kedua-dua dana insurans am dan dana pemegang saham.

Pada awal tahun kewangan, Syarikat telah menerimaguna FRS yang baru dan disemak semula seperti yang telah dijelaskan sepenuhnya di Nota 2.3.

## **2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.1 Asas Penyediaan (Sambungan)**

Penyata-penyata kewangan telah dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan digenapkan kepada ribuan terhampir ("RM'000") kecuali dinyatakan sebaliknya.

### **2.2 Ringkasan Dasar-dasar Penting Perakaunan**

#### **(a) Keputusan Pengunderaitan**

Keputusan pengunderaitan insurans am ditentukan bagi setiap kelas perniagaan, selepas mengambilkira insurans semula, rizab premium belum tamat, komisen dan tuntutan kena dibayar.

##### **(i) Pendapatan Premium**

Pendapatan premium diiktiraf dalam tempoh kewangan dengan andaian risiko yang ditanggung adalah sepanjang tempoh kewangan tersebut. Premium dari perniagaan langsung diiktiraf sepanjang tahun kewangan apabila nota debit diterbitkan. Premium di mana risiko berlaku tetapi nota debit belum diterbitkan pada tarikh lembaran imbalan diakru pada tarikh tersebut.

Premium insurans semula triti alir masuk diiktiraf pada dasar makluman berkala yang diterima daripada syarikat insurans serahan.

Premium insurans semula luaran diiktiraf dalam tempoh perakaunan yang sama dengan polisi asal yang mana insurans semula tersebut berkaitan.

##### **(ii) Rizab Premium Belum Tamat**

Rizab premium belum tamat ("UPR") merupakan bahagian premium bersih polisi-polisi insurans bagi tahun polisi yang belum luput pada akhir tempoh kewangan. Bagi menentukan UPR pada tarikh lembaran imbalan, kaedah yang paling tepat menunjukkan premium belum tamat yang sebenar telah digunakan seperti berikut:

- Kaedah 25% bagi kargo marin, kargo udara dan perniagaan transit
- Kaedah 1/24 bagi kelas-kelas polisi Malaysia yang lain dikurangkan dengan peratus komisen perniagaan langsung kasar yang diambilkira dan perbelanjaan agensi yang berkaitan yang tidak melebihi had-had yang ditetapkan oleh BNM seperti berikut:

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Penting Perakaunan (Sambungan)

#### (a) Keputusan Pengunderaitan (Sambungan)

##### (ii) Rizab Premium Tidak Terperoleh (Sambungan)

Motor dan bon	10%
Kebakaran, kejuruteraan, udara dan kapal marin	15%
Perubatan dan kesihatan	
- Individu perseorangan	15%
- Kumpulan, sekurang-kurangnya 3 individu	10%
Pampasan pekerja dan liabiliti majikan	
- Pekerja asing	10%
- Lain-lain	25%
Kelas-kelas lain	25%

- Kaedah 1/8 bagi semua kelas perniagaan triti diterima dari luar negara dengan pengurangan 20% bagi komisen
- Kaedah peruntukan masa berdasarkan tempoh risiko bagi polisi bukan tahunan

##### (iii) Peruntukan bagi Tuntutan

Liabiliti bagi tuntutan tertunggak diiktiraf bagi kedua-dua insurans langsung dan insurans semula diterima. Jumlah tuntutan tertunggak adalah berasaskan anggaran kos tuntutan terbaik berserta perbelanjaan berkaitan selepas ditolak perolehan pemulihan insurans semula bagi menjelaskan obligasi semasa pada tarikh lembaran imbalan.

Peruntukan juga dibuat bagi kos tuntutan berserta perbelanjaan berkaitan pada tarikh lembaran imbalan, berdasarkan penilaian aktuari oleh ahli aktuari yang layak, dengan menggunakan kaedah anggaran matematik berdasarkan corak perkembangan tuntutan sebenar.

##### (iv) Kos Perolehan

Kos perolehan dan pembaharuan polisi insurans setelah ditolak pendapatan diterima daripada mengesid premium insurans semula, diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan sewajarnya dalam tempoh di mana pendapatan berkemungkinan akan diperolehi.

## **2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.2 Ringkasan Dasar-dasar Penting Perakaunan (Sambungan)**

#### **(b) Pengiktirafan Pendapatan Lain**

Pendapatan diambilkira apabila manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusanniaga itu berkemungkinan mengalir ke dalam perniagaan dan jumlah pendapatan boleh diukur dengan pastinya.

##### **(i) Pendapatan Faedah/Keuntungan**

Pendapatan faedah/keuntungan diiktiraf berasaskan kadar masa yang menggambarkan pulangan efektif ke atas aset kecuali faedah ke atas pinjaman yang dikenalpasti sebagai tidak berbayar, iaitu pembayaran balik tertunggak melebihi tiga bulan, di mana, pengiktirafan faedah digantung dan pelarasan retrospektif dibuat dari tarikh permulaan kemungkiran berlaku. Setelah itu, faedah akan diiktiraf pada dasar penerimaan sehingga kesemua tunggakan telah dibayar.

##### **(ii) Pendapatan Dividen**

Pendapatan dividen diiktiraf atas dasar pengisytiharan apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran telah ditentukan.

##### **(iii) Pendapatan Sewa**

Pendapatan sewa diiktiraf berasaskan akrual seperti yang ditetapkan dalam syarat-syarat perjanjian berkenaan kecuali apabila sewa yang tidak berbayar melebihi tempoh tiga bulan, di mana pengiktirafan pendapatan sewa digantung. Setelah itu, pendapatan sewa akan diiktiraf berdasarkan penerimaan sehingga kesemua tunggakan telah dibayar.

#### **(c) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai**

Segala hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Kos berikutnya dimasukkan dalam jumlah dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, di mana patut, hanya apabila kemungkinan adanya faedah ekonomi masa depan untuk Syarikat dan kos perkara tersebut boleh diukur secara berkesan. Jumlah dibawa untuk alat yang diganti tidak akan lagi diiktiraf. Segala pembaikan dan penyelenggaraan yang lain akan diambilkira dalam penyata pendapatan/akaun hasil dalam tempoh kewangan ia berlaku.

Sejurus pengiktirafan pada mulanya, hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (Sambungan)

#### (c) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai (Sambungan)

Bangunan di atas tanah pegangan pajak disusutnilai berdasarkan tempoh 50 tahun atau tempoh pajakan masing-masing, yang mana lebih pendek.

Kerja-kerja pengubahsuaian/bangunan dalam pembinaan juga tidak disusutnilai kerana aset-aset ini belum lagi sedia untuk digunakan.

Susutnilai bagi hartanah, loji dan peralatan yang lain diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus untuk melupuskan kos setiap aset kepada nilai sisanya bersasarkan anggaran hayat penggunaannya pada kadar tahunan berikut:

Perabot, kelengkapan, peralatan dan pengubahsuaian	20%
Peralatan komputer	20% - 25%
Peralatan elektrik dan keselamatan	10%
Kenderaan bermotor	25%

Nilai sisa, hayat penggunaan dan kaedah susutnilai akan dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan untuk memastikan jumlah, jangkamasa dan kaedah susutnilai adalah konsisten dengan anggaran sebelumnya dan jangkaan penggunaan faedah ekonomi masa depan dimuatkan dalam perkara hartanah, loji dan peralatan.

Perkara hartanah, loji dan peralatan tidak akan lagi diiktiraf apabila dilupuskan atau tiada faedah ekonomi masa depan dijangkakan daripada pelupusannya atau penggunaannya. Perbezaan di antara keuntungan pelupusan bersih jika ada dan jumlah dibawa bersih diiktiraf dalam penyata pendapatan/akaun hasil.

#### (d) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk memperolehi pendapatan sewa atau pertambahan modal atau kedua-duanya. Hartanah ini akan dinilai pada mulanya mengikut kos, termasuk kos transaksi. Sejurus pengiktirafan pada mulanya, hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama. Nilai saksama ditetapkan menurut bukti transaksi harga pasaran untuk hartanah yang serupa dan dinilai oleh firma penilai bebas profesional yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dan pengalaman terkini dalam lokasi serta kategori hartanah yang dinilai dan/atau penilaian oleh ahli profesional dalaman yang berkelayakan pada tempoh tertentu apabila diperlukan.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Penting Perakaunan (Sambungan)

#### (d) Hartanah Pelaburan (Sambungan)

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan/akaun hasil pada tahun ia berlaku.

Hartanah pelaburan tidak lagi diiktiraf apabila dilupuskan atau apabila hartanah pelaburan tidak lagi digunakan dan tiada faedah ekonomi masa depan dijangkakan daripada pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penamatan atau pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan/akaun hasil pada tahun ia berlaku.

#### (e) Pajakan

##### (i) Klasifikasi

Pajakan di mana Syarikat memegang ke atas sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan diiktiraf sebagai pajakan kewangan. Pajakan tanah dan bangunan diklasifikasikan sebagai pajakan operasi atau kewangan seperti pajakan aset lain. Elemen tanah dan bangunan untuk pajakan tanah dan bangunan diambilkira secara berasingan untuk tujuan pengklasifikasian pajakan. Semua pajakan yang tidak memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran diklasifikasikan sebagai pajakan operasi kecuali hartanah dipegang di bawah pajakan operasi yang memenuhi definisi hartanah pelaburan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan atas dasar hartanah atas hartanah. Jika ia diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan, ia diambilkira sebagai pegangan di bawah pajakan kewangan. (Nota 2.2(d)).

##### (ii) Pajakan Kewangan - Syarikat sebagai Penerima Pajak

Hayat penggunaan semua bangunan di atas tanah pegangan pajak adalah lebih pendek daripada tempoh pajakan tanah pegangan pajak di mana bangunan-bangunan itu terletak. Oleh itu, sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset-aset ini akan dipindahkan dengan banyak ke Syarikat pada akhir hayat penggunaannya. Dengan itu, semua bangunan di atas tanah pegangan pajak diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan dalam penyata kewangan.

Bangunan di bawah pegangan pajakan kewangan diiktiraf sebagai aset dalam lembaranimbangan Syarikat dan diukur mengikut FRS 116 - Hartanah, Loji dan Peralatan dan FRS 140 - Hartanah Pelaburan.

## **2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.2 Ringkasan Dasar-dasar Penting Perakaunan (Sambungan)**

#### **(e) Pajak (Sambungan)**

##### **(iii) Pajak Operasi - Syarikat sebagai Penerima Pajak**

Bayaran pajak operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan mengikut asas garis lurus sepanjang jangka masa pajak berkena.

Dalam kes pajak tanah dan bangunan, bayaran pajak minimum atau bayaran terdahulu diperuntukkan apabila diperlukan di antara tanah dan elemen bangunan seimbang dengan nilai saksama untuk kepentingan pegangan pajak dalam elemen tanah dan elemen bangunan pajak pada masa permulaan pajak. Bayaran terdahulu mewakili prabayaran pajak dan dilunaskan mengikut asas garis lurus di sepanjang tempoh pajak.

#### **(f) Aset Tidak Ketara**

Aset tidak ketara yang diperolehi secara berasingan diukur pada pengiktirafan terdahulu kos. Berikutan pengiktirafan terdahulu, aset tidak ketara dibawa pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian terjejas terkumpul. Hayat penggunaan aset tidak ketara dinilai sama ada ia terhad atau tidak terhad. Aset tidak ketara dengan hayat terhad dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang hayat penggunaan ekonominya yang dianggarkan dan dinilai penjejasannya apabila terdapat tanda bahawa aset tidak ketara itu mungkin terjejas. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan untuk aset tidak ketara dengan hayat penggunaan yang terhad dikaji semula sekurang-kurangnya pada tarikh setiap lembaranimbangan.

Hayat penggunaan aset tidak ketara dengan hayat tidak terhad tidak dilunaskan tetapi diuji penjejasannya setiap tahun atau lebih kerap jika peristiwa atau perubahan keadaan menandakan bahawa nilai dibawa mungkin terjejas secara individu atau pada tahap unit penjanaan tunai.

Hayat penggunaan aset tidak ketara dengan hayat tidak terhad dikaji semula setiap tahun untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna masih boleh dikekalkan.

Perisian komputer dilunaskan sepanjang hayat penggunaan terhadnya selama 4 tahun.

## **2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.2 Ringkasan Dasar-dasar Penting Perakaunan (Sambungan)**

#### **(g) Rosot Nilai Aset**

Nilai aset dibawa selain hartanah pelaburan dan aset cukai tertunda dikaji semula pada tarikh setiap lembaran imbangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda rosot nilai. Jika tanda rosot nilai wujud, jumlah aset boleh pulih dianggarkan untuk menentukan jumlah kerugian rosot nilai.

Untuk menjalankan ujian rosot nilai terhadap aset-aset ini, jumlah boleh pulih ditentukan berdasarkan aset individu kecuali aset itu tidak menjana aliran tunai yang kebanyakannya tidak bergantung pada aset-aset lain. Jika perkara ini benar, jumlah boleh pulih ditentukan untuk unit penjanaan tunai ("CGU") kepunyaan aset itu.

Jumlah aset boleh pulih adalah lebih tinggi bagi sesuatu aset atau nilai saksama CGU ditolak kos jualan dan nilai penggunaannya. Dalam penilaian nilai penggunaan, aliran tunai masa depan yang dianggarkan dikurangkan ke nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun pra cukai yang menunjukkan penilaian pasaran semasa untuk nilai masa wang dan risiko khusus aset. Apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah boleh pulih, aset itu dikira telah rosot nilai dan dinyatakan pada jumlah boleh pulih. Kerugian rosot nilai diiktiraf berkenaan CGU atau kumpulan CGU diperuntukkan secara pro-rata untuk mengurangkan jumlah dibawa aset dalam unit atau kumpulan unit.

Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan/akaun hasil pada tempoh ia muncul. Kerugian rosot nilai aset dibalikkan jika, dan hanya jika, terdapat perubahan dalam penganggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah aset boleh pulih sejak kerugian rosot nilai yang dahulu diiktiraf. Nilai dibawa aset ditingkatkan ke jumlah boleh pulih yang telah diubah jika jumlah ini tidak melebihi jumlah dibawa yang akan ditentukan (pelunasan bersih atau susutnilai) tidak mempunyai kerugian rosot nilai yang diiktiraf untuk aset pada tahun-tahun sebelumnya. Pembalikan kerugian rosot nilai untuk aset diiktiraf dalam penyata pendapatan/akaun hasil.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Penting Perakaunan (Sambungan)

#### (h) Manfaat Pekerja

##### (i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial ("SOCSO") diambilkira sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Syarikat. Ketidakhadiran diganti terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diambilkira apabila perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja menyebabkan peningkatan hak mereka kepada baki diganti pada masa hadapan. Ketidakhadiran diganti tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diambilkira apabila ketidakhadiran itu berlaku.

##### (ii) Pelan Caruman Tetap

Pelan caruman ditakrifkan adalah pelan manfaat pekerja selepas persaraan di mana Syarikat membayar caruman tetap dalam dana asing dan tiada obligasi perundangan atau konstruktif untuk membayar selebihnya sekiranya dana-dana tersebut tidak mempunyai jumlah mencukupi untuk membayar segala manfaat pekerja berkaitan perkhidmatan pekerja pada tahun semasa atau sebelumnya. Caruman-caruman tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan/akaun hasil apabila ia berlaku. Atas tuntutan undang-undang, Syarikat dan cawangan luar negaranya membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("EPF") dan Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura ("CPF").

##### (iii) Pampasan Berdasarkan Saham

Skim pampasan berdasarkan saham syarikat induk utama, Skim Opsyen Saham Pekerja Kumpulan Maybank ("ESOS") membenarkan pekerja Syarikat untuk membeli saham biasa syarikat induk utama.

Jumlah nilai saksama opsyen saham yang diberikan kepada pekerja diiktiraf sebagai kos pekerja yang dicaj oleh syarikat induk utama pada jangka masa perletakan hak dan dengan mengambilkira kemungkinan opsyen akan berhak. Nilai saksama opsyen saham diukur pada tarikh pelaksanaan, mengambilkira, sekiranya ada, keadaan pasaran semasa hak diberikan tetapi mengecualikan kesan sebarang keadaan perletakan hak bukan pasaran. Keadaan perletakan hak bukan pasaran dimasukkan dalam anggaran mengenai bilangan opsyen yang dijangka akan dilaksanakan pada tarikh perletakan hak.

Penyelesaian dengan syarikat induk utama berhubung susunan skim dilaksanakan dalam bentuk tunai ke atas masa perletakan hak.

## **2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.2 Ringkasan Dasar-dasar Penting Perakaunan(Sambungan)**

#### **(i) Cukai Pendapatan**

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian untuk sesuatu tahun terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah cukai pendapatan yang dijangka akan dibayar ke atas keuntungan boleh cukai untuk tahun kewangan tersebut dan dikira pada kadar cukai yang digubalkan pada tarikh lembaran imbalan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti, untuk perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbalan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaan dalam penyata kewangan. Secara dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai belum digunakan ke satu tahap di mana wujudnya kemungkinan keuntungan boleh dicukai boleh ditolak dengan perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai belum digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara tersebut timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusan niaga yang mana tidak memberi kesan ke atas keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh dicukai.

#### **(j) Matawang Asing**

##### **(i) Matawang Fungsian dan Pembentangan**

Penyata-penyata kewangan Syarikat diukur dengan menggunakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana Syarikat beroperasi ("matawang fungsian").

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan matawang fungsian Syarikat.

##### **(ii) Transaksi Matawang Asing**

Dalam penyediaan penyata kewangan entiti-entiti individu, transaksi dalam matawang selain daripada matawang fungsian entiti (matawang asing) dilaporkan dalam matawang fungsian menggunakan kadar pertukaran matawang pada tarikh transaksi. Pada tarikh lembaran imbalan, item monetari yang didenominasikan dalam matawang asing ditukarkan pada kadar pertukaran pada tarikh lembaran imbalan. Item bukan monetari dibawa pada nilai saksama yang didenominasikan dalam matawang asing ditukarkan pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan. Item bukan monetari yang diukur mengikut kos sejarah dalam matawang asing tidak ditukarkan.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Penting Perakaunan(Sambungan)

#### (j) Matawang Asing (Sambungan)

##### (ii) Transaksi Matawang Asing (Sambungan)

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian item monetari, dan pertukaran item monetari dinyatakan dalam keuntungan atau kerugian tempoh tersebut kecuali perbezaan pertukaran yang timbul daripada item monetari yang merangkumi sebahagian pelaburan bersih Syarikat dalam operasi asing. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada item monetari yang merangkumi sebahagian pelaburan bersih Syarikat dalam operasi asing, di mana item monetari didenominasikan dalam matawang fungsian syarikat yang melapor atau operasi asing, pada mulanya dibawa secara terus ke rizab pertukaran matawang asing dalam ekuiti sehingga pelupusan operasi asing, iaitu pada masa ia diiktiraf dalam penyata pendapatan/akaun hasil.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada item monetari yang merangkumi sebahagian pelaburan bersih Syarikat dalam operasi asing, di mana item monetari didenominasikan dalam matawang fungsian entiti yang melapor atau operasi asing diiktiraf dalam penyata pendapatan/akaun hasil semasa. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada item monetari yang merangkumi sebahagian pelaburan bersih Syarikat dalam operasi asing, tidak mengambilkira matawang item monetari, diiktiraf dalam penyata kewangan Syarikat atau penyata kewangan individu operasi asing, di mana patut.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada pertukaran item bukan monetari yang dibawa pada nilai saksama termasuk dalam penyata pendapatan/akaun hasil semasa kecuali perbezaan yang timbul daripada pertukaran item bukan monetari di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada item bukan monetari juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

##### (iii) Operasi Asing

Keputusan dan kedudukan kewangan operasi asing yang mempunyai matawang fungsian yang berbeza daripada matawang pembentangan ("RM") penyata kewangan ditukarkan dalam RM seperti berikut:

- aset dan liabiliti setiap lembaran imbangan dibentangkan ditukarkan pada kadar penutupan pertukaran pada tarikh lembaran imbangan.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Penting Perakaunan (Sambungan)

#### (j) Matawang Asing (Sambungan)

##### (iii) Operasi Asing (Sambungan)

- pendapatan dan perbelanjaan setiap penyata pendapatan/akaun hasil ditukarkan pada kadar pertukaran purata untuk tahun semasa yang mengangarkan kadar pertukaran pada tarikh transaksi.
- segala perbezaan keputusan akan dibawa ke rizab pertukaran matawang asing dalam ekuiti.

Kadar pertukaran utama untuk penetapan setiap unit matawang asing pada tarikh lembaran imbangan yang digunakan untuk pertukaran operasi asing adalah seperti berikut:

	<b>2008</b>	<b>2007</b>
Dolar Singapura (S\$)	2.4053	2.2561

#### (k) Tunai dan Tunai Setara

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai termasuk wang tunai dan baki di bank, kecuali deposit tetap dan panggilan.

Penyata aliran tunai disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung.

#### (l) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf di dalam lembaran imbangan apabila Syarikat terlibat di dalam peruntukan berkontrak bagi instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti berdasarkan kepada kandungan perjanjian kontrak. Faedah/hasil, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan yang dinyatakan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai ekuiti diambilkira terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan diimbangkan apabila Syarikat mempunyai hak yang sah dari segi undang-undang untuk melakukan demikian dan berhasrat untuk menyelesaikannya sama ada secara bersih atau dengan merealisasikan aset dan melangsaikan liabiliti tersebut secara serentak.

Pendedahan maklumat bagi aset dan liabiliti kewangan yang berkaitan dengan hak dan obligasi yang terhasil daripada perjanjian insurans tidak termasuk dalam skop Piawaian Laporan Kewangan 132 - Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan.

## **2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.2 Ringkasan Dasar-dasar Penting Perakaunan (Sambungan)**

#### **(I) Instrumen Kewangan (Sambungan)**

##### **(i) Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Lain-lain Pelaburan Diluluskan**

Sekuriti Kerajaan Malaysia (“MGS”) dan lain-lain pelaburan diluluskan termasuk Sijil Deposit Boleh Niaga (“NCD”) dan Sijil Deposit Boleh Niaga Islam (“NICD”) seperti yang ditentukan oleh BNM dinyatakan pada kos yang diselaraskan untuk pelunasan premium atau pertambahan diskaun, dikira pada kaedah hasil efektif, dari tarikh pembelian hingga matang.

Pelunasan premium dan pertambahan diskaun dicaj atau dikreditkan ke penyata pendapatan/akaun hasil.

##### **(ii) Bon Jaminan Kerajaan dan Bon Korporat Tidak Disebutharga**

Bon jaminan kerajaan dan bon korporat tidak disebutharga yang terjamin atau mempunyai penarafan minima "BBB" atau "P3" dinyatakan pada kos dilaraskan untuk pelunasan premium atau pertambahan diskaun berdasarkan kaedah hasil efektif dari tarikh pembelian hingga tarikh matang masing-masing. Sebarang bon korporat dengan penarafan yang lebih rendah dinyatakan pada nilai kos atau nilai boleh direalisasi bersih, yang mana lebih rendah.

Untuk menentukan nilai boleh direalisasi bersih, model aliran tunai yang didiskaunkan digunakan selepas mengambilkira anggaran aliran tunai yang boleh dijana daripada pemegangan bon.

##### **(iii) Pelaburan Disebutharga**

Pelaburan disebutharga dinyatakan pada nilai kos atau nilai pasaran, yang mana lebih rendah dan ditentukan secara portfolio agregat bagi setiap kategori pelaburan, kecuali jika penurunan nilai sesuatu pelaburan tidak dianggap sementara, peruntukan pengurangan nilai akan dibuat ke atas nilai pelaburan tersebut.

Kos ditentukan mengikut kadar purata wajaran, manakala nilai pasaran ditentukan berdasarkan harga-harga pasaran pada tarikh lembaranimbangan.

## **2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.2 Ringkasan Dasar-dasar Penting Perakaunan (Sambungan)**

#### **(I) Instrumen Kewangan (Sambungan)**

##### **(iv) Pelaburan Tidak Disebutharga**

Pelaburan tidak disebutharga dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul.

Pertambahan atau pengurangan dalam nilai dibawa pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Keuntungan atau kerugian daripada penjualan pelaburan di atas adalah perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih dan nilai dibawanya. Keuntungan atau kerugian penjualan pelaburan dikreditkan atau dicaj ke dalam penyata pendapatan/akaun hasil.

##### **(v) Pinjaman dan Penghutang**

Pinjaman dan penghutang dinyatakan pada nilai boleh direalisasi yang dijangka. Hutang lapuk dilupuskan apabila ia dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berasaskan kajian semula semua jumlah tertunggak pada tarikh lembaran imbalan. Peruntukan khusus dibuat bagi premium, termasuk baki terhutang daripada agen, broker dan penghutang insurans semula yang masih tertunggak bagi tempoh melebihi enam bulan (kecuali baki premium motor yang tertunggak lebih daripada 30 hari) dari tarikh hutang.

##### **(vi) Pemiutang**

Pemiutang dinyatakan pada nilai saksama bayaran yang perlu dibuat untuk barangan dan perkhidmatan masa depan.

##### **(vii) Instrumen Ekuiti**

Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Dividen untuk saham biasa diiktiraf dan diambil kira dalam penyata perubahan dalam ekuiti pada tempoh ia diisytiharkan.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.3 Perubahan dalam Polisi Perakaunan dan Kesan dari Penerimgunaan FRS yang Baru dan yang Disemak Semula

Polisi perakaunan dan kaedah pengiraan yang diaplikasikan oleh Syarikat adalah konsisten dengan polisi dan kaedah yang digunakan pada tahun-tahun sebelumnya kecuali Piawaian Laporan Kewangan ("FRS") berikut, pindaan kepada FRS dan Interpretasi Jawatankuasa Isu ("IC") yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, mulai dari tahun kewangan Syarikat yang bermula pada 1 Julai 2007:

<b>Piawaian/Interpretasi</b>	<b>Tarikh Penguatkuasaan</b>
FRS 117: Pajakan	1 Oktober 2006
FRS 124: Pendedahan Pihak berkaitan	1 Oktober 2006
FRS 139: Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran	1 Januari 2010
Pindaan kepada FRS 119 <sup>2004</sup> : Manfaat Pekerja - Keuntungan dan Kerugian Aktuari, Pelan Kumpulan dan Pendedahan	1 Januari 2007
Pindaan kepada FRS 121: Kesan Perubahan Kadar Tukaran - Asing Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing	1 Julai 2007
FRS 6 : Eksplorasi dan Penilaian Sumber-sumber Mineral	1 Januari 2007
FRS 107: Penyata Aliran Tunai	1 Julai 2007
FRS 111: Kontrak Pembinaan	1 Julai 2007
FRS 112: Cukai Pendapatan	1 Julai 2007
FRS 118: Hasil	1 Julai 2007
FRS 120: Perakaunan bagi Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan	1 Julai 2007
FRS 134: Laporan Kewangan Interim	1 Julai 2007
FRS 137: Peruntukan, Liabiliti Luarjangka dan Aset Luarjangka	1 Julai 2007
IC 1 : Perubahan dalam Penyahtauliahahan Semasa, Restorasi dan Liabiliti Serupa	1 Julai 2007
IC 2 : Saham Ahli dalam Entiti Koperasi dan Instrumen Serupa	1 Julai 2007
IC 5 : Hak kepada Faedah daripada Penyahtauliahahan, Restorasi dan Dana Pemuliharaan Persekitaran	1 Julai 2007
IC 6 : Liabiliti muncul daripada Penyertaan dalam Pasaran Khas - Sisa Peralatan Elektrik dan Elektronik	1 Julai 2007

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.3 Perubahan dalam Polisi Perakaunan dan Kesan dari Penerimgunaan FRS yang Baru dan yang Disemak Semula (Sambungan)

<b>Piawaian/Interpretasi</b>	<b>Tarikh Penguatkuasaan</b>
IC 7 : Pengaplikasian Kaedah Pernyataan Semula di bawah FRS 129 <sub>2004</sub> - Laporan Kewangan dalam Ekonomi Berinflasi Tinggi	1 Julai 2007
IC 8 : Skop FRS 2	1 Julai 2007

FRS 6, Pindaan kepada FRS 119<sub>2004</sub>, Pindaan kepada FRS 121, FRS 111 dan FRS 120, IC 1, IC 5, IC 6 dan IC 7 tidak digunakan oleh Syarikat. Penerimgunaan FRS 107, FRS 112, FRS 118, FRS 134 dan FRS 137 dan IC 2 dan IC 8 tidak mendatangkan perubahan ketara dalam polisi perakaunan Syarikat.

Kesan utama perubahan dalam polisi perakaunan hasil daripada penerimgunaan itu dibincangkan dalam Nota 2.3(a) di bawah:

#### (a) Perubahan dalam Polisi Perakaunan

##### **FRS 117 : Pajak**

##### **Tanah pegangan pajak**

Sebelum 1 Julai 2007, pajak tanah untuk kegunaan sendiri diklasifikasikan sebagai hartanah, loji dan peralatan dan dinyatakan pada kos tolak pelunasan dan kerugian rosot nilai. Penerimgunaan FRS 117 yang telah disemak semula: Pajak mulai dari 1 Julai 2007, menyebabkan perubahan pada polisi perakaunan yang berkaitan dengan pengklasifikasian pajak tanah. Di bawah FRS 117, pajak tanah dan bangunan diklasifikasikan sebagai pajak operasi atau kewangan dengan cara yang sama seperti pajak aset lain. Oleh itu, tanah pegangan pajak untuk kegunaan sendiri, kini diklasifikasikan sebagai pajak operasi. Bayaran permulaan mewakili pajak tanah prabayar dan dilunaskan berdasarkan garis lurus sepanjang tempoh pajak.

Syarikat telah mengaplikasikan perubahan dalam polisi perakaunan dalam hal tanah pegangan pajak mengikut peruntukan peralihan FRS 117. Pada 1 Julai 2007, jumlah dibawa tanah pegangan pajak yang tidak dilunaskan diklasifikasikan sebagai pajak tanah prabayar. Pengklasifikasian semula tanah pegangan pajak sebagai pajak tanah prabayar telah diambil kira secara retrospektif.

Perbandingan tertentu dalam lembaran imbalan Syarikat pada 30 Jun 2007, telah dinyatakan semula seperti yang dibentangkan pada Nota 2.3(b)(ii). Ini tidak membawa kesan kepada penyata pendapatan Syarikat dalam tahun kewangan semasa.

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.3 Perubahan dalam Polisi Perakaunan dan Kesan dari Penerimgunaan FRS yang Baru dan yang Disemak Semula (Sambungan)

#### (a) Perubahan dalam Polisi Perakaunan (Sambungan)

##### FRS 124: Pendedahan Pihak Berkaitan

Penerimgunaan FRS 124 memberi kesan terhadap tahap dan had pendedahan pihak berkaitan.

#### (b) Ringkasan kesan penerimgunaan FRS yang baru dan disemak semula pada penyata kewangan tahun kewangan semasa

Jadual berikut memberikan anggaran kepada tahap perubahan pada setiap item yang digariskan pada lembaran imbalan untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2008 yang mungkin lebih tinggi atau rendah sekiranya polisi lama digunakan dalam tahun kewangan semasa.

##### (i) Kesan pada Lembaran Imbalan pada 30 Jun 2008

FRS 117	(Kurang) /Tambah RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	(8,088)
Pajakan tanah prabayar	8,088
	<u>8,088</u>

##### (ii) Pernyataan Semula Perbandingan

FRS 117	Dinyatakan Sebelumnya RM'000	(Kurang) /Tambah RM'000	Dinyatakan Semula RM'000
<b>Pada 1 Julai 2006</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	8,296	(8,296)	-
Pajakan tanah prabayar	-	8,296	8,296
	<u>8,296</u>	<u>8,296</u>	<u>8,296</u>
<b>Pada 30 Jun 2007</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	8,192	(8,192)	-
Pajakan tanah prabayar	-	8,192	8,192
	<u>8,192</u>	<u>8,192</u>	<u>8,192</u>

## 2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

### 2.4 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Penting

#### (a) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggapan utama berkenaan masa depan dan sumber utama ketidakpastian anggaran lain pada tarikh lembaran imbangan yang mempunyai kesan risiko besar menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya dibincangkan di bawah:

##### (i) Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos loji bangunan dan peralatan seperti elevator, lif dll dan hartanah milik sendiri disusut nilai pada dasar garis lurus ke atas anggaran hayat boleh guna yang tinggal.

Syarikat menganggarkan hayat penggunaan loji dan peralatan ini ialah 5 hingga 10 tahun.

Kos bangunan milik sendiri disusut nilai pada dasar garis lurus. Syarikat menganggarkan hayat penggunaan ialah 50 tahun.

##### (ii) Penilaian Hartanah Pelaburan

Pengukuran nilai saksama untuk hartanah pelaburan dilakukan dengan merujuk kepada bukti pasaran tentang harga transaksi untuk hartanah yang serupa. Penilaian sepenuhnya ke atas hartanah pelaburan dijalankan oleh firma penilai profesional bebas pada jangka masa yang tetap, iaitu tidak kurang daripada setiap 3 tahun. Dalam tahun-tahun berselang, penilaian komputer menggunakan kaedah setanding dan kaedah pelaburan dijalankan oleh profesional berkelayakan dalaman untuk mengemaskinikan penilaian.

##### (iii) Pelunasan dan Penjejasan Aset Tidak Ketara

Aset tidak ketara yang boleh diasingkan dan dijual serta mempunyai hayat penggunaan yang terhad dilunaskan mengikut anggaran tempoh hayat penggunaan.

Penentuan anggaran hayat penggunaan aset tidak ketara ini memerlukan pihak pengurusan untuk menganalisis keadaan, industri dan amalan pasaran, dan juga menggunakan pertimbangan. Pada tarikh lembaran imbangan, atau lebih kerap, iaitu apabila mengikut kejadian atau perubahan keadaan, aset tidak ketara dinilai tanda-tanda rosot nilainya. Jika tanda rosot nilai hadir, aset-aset ini tertakluk kepada kajian semula rosot nilai. Kajian semula rosot nilai termasuk perbandingan jumlah dibawa aset dengan jumlah boleh pulihnya.

## **2. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)**

### **2.4 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Penting (Sambungan)**

#### **(a) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (Sambungan)**

##### **(iv) Liabiliti Perniagaan Insurans**

Untuk tuntutan, rizab dibuat apabila adanya notis tuntutan baru dimana potensi liabiliti akan dinilai berdasarkan maklumat yang ada. Jika maklumat adalah kurang atau tiada, rizab 'buta' akan digunakan. Rizab buta dibuat berdasarkan kelas perniagaan dan dikaji semula setiap tahun supaya selaras dengan garis panduan BNM. Apabila terdapat lebih banyak maklumat tentang tuntutan, rizab itu dikemaskinikan sewajarnya.

##### **(v) Rosot Nilai Pelaburan yang Tidak Disebutharga**

Rosot nilai pelaburan yang tidak disebutharga dilakukan selepas mempertimbangkan beberapa faktor, termasuk daya maju perniagaan penerima pelaburan, potensi mendapat balik modal yang dilaburkan dan nilai semasa dividen masa depan atau aliran tunai ke atasnya. Nilai semasa aliran tunai masa depan diukur dengan mengaplikasikan kadar pulangan yang dijangka yang menggambarkan profil risiko pelaburan tersebut. Kesemua ini dibandingkan dengan kos dibawa pelaburan dan penilaian wajar serta pertimbangan diputuskan oleh pihak pengurusan untuk memastikan sama ada kos dibawa semasa masih relevan.

Penilaian ini dilakukan pada tarikh lembaran imbangan dan dikaji semula secara kritikal oleh pihak pengurusan dengan mengambil kira faktor industri dan ekonomi yang khusus yang relevan kepada pelaburan berkenaan.

## 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Hartanah*	Perabot, kelengkapan, peralatan dan pengubahsuaian	Peralatan komputer	Peralatan elektrik dan keselamatan	Kenderaan bermotor	Pengubah-suaian & bangunan dalam pembinaan	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>2008</b>							
<b>Kos</b>							
<b>Pada 1 Julai 2007</b>	59,154	21,932	11,569	7,694	324	21	100,694
Kesan penerimgunaan FRS 117	(8,894)	-	-	-	-	-	(8,894)
<b>Pada 1 Julai 2007 (dinyatakan semula)</b>	50,260	21,932	11,569	7,694	324	21	91,800
Pertambahan	-	3	19	-	-	437	459
Pelupusan	-	-	-	-	(59)	-	(59)
Perbezaan pertukaran	185	124	28	-	17	-	354
<b>Pada 30 Jun 2008</b>	50,445	22,059	11,616	7,694	282	458	92,554
<b>Susutnilai dan Kerugian Rosot Nilai Terkumpul</b>							
<b>Pada 1 Julai 2007</b>	8,706	19,505	11,359	4,897	324	-	44,791
Kesan penerimgunaan FRS 117	(702)	-	-	-	-	-	(702)
Kerugian rosot nilai	74	-	-	-	-	-	74
<b>Pada 1 Julai 2007 (dinyatakan semula)</b>	8,078	19,505	11,359	4,897	324	-	44,163
Caj tahun semasa	1,007	618	114	762	-	-	2,501
Pelupusan	-	-	-	-	(59)	-	(59)
Perbezaan pertukaran	117	106	22	-	17	-	262
<b>Pada 30 Jun 2008</b>	9,202	20,229	11,495	5,659	282	-	46,867
<b>Nilai Buku Bersih</b>	41,243	1,830	121	2,035	-	458	45,687

## 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

	Hartanah*	Perabot, kelengkapan, peralatan dan peng- ubahsuaian RM'000	Peralatan komputer RM'000	Peralatan elektrik dan ke -selamatan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Pengubah -suaian & bangunan dalam pembinaan RM'000	Jumlah RM'000
<b>2007</b>							
<b>Kos</b>							
<b>Pada 1 Julai 2006 (dinyatakan sebelumnya)</b>	59,229	22,674	11,551	8,581	719	21	102,775
Kesan penerimgunaan FRS 117	(8,894)	-	-	-	-	-	(8,894)
<b>Pada 1 Julai 2007 (dinyatakan semula)</b>	50,335	22,674	11,551	8,581	719	21	93,881
Pertambahan	-	2,286	29	139	-	-	2,454
Pelupusan	-	(56)	-	-	(388)	-	(444)
Hapuskira	-	(2,922)	-	(1,026)	-	-	(3,948)
Perbezaan pertukaran	(75)	(50)	(11)	-	(7)	-	(143)
<b>Pada 30 Jun 2007</b>	<b>50,260</b>	<b>21,932</b>	<b>11,569</b>	<b>7,694</b>	<b>324</b>	<b>21</b>	<b>91,800</b>
<b>Susutnilai dan Kerugian Rosot Nilai Terkumpul</b>							
<b>Pada 1 Julai 2006 (dinyatakan sebelumnya)</b>	7,642	21,992	11,167	5,130	719	-	46,650
Kesan penerimgunaan FRS 117	(598)	-	-	-	-	-	(598)
Kerugian rosot nilai	74	-	-	-	-	-	74
<b>Pada 1 Julai 2007 (dinyatakan semula)</b>	7,118	21,992	11,167	5,130	719	-	46,126
Caj tahun semasa	1,006	529	199	772	-	-	2,506
Pelupusan	-	(56)	-	-	(388)	-	(444)
Hapuskira	-	(2,917)	-	(1,005)	-	-	(3,922)
Perbezaan pertukaran	(46)	(43)	(7)	-	(7)	-	(103)
<b>Pada 30 Jun 2007</b>	<b>8,078</b>	<b>19,505</b>	<b>11,359</b>	<b>4,897</b>	<b>324</b>	<b>-</b>	<b>44,163</b>
<b>Nilai Buku Bersih</b>	<b>42,182</b>	<b>2,427</b>	<b>210</b>	<b>2,797</b>	<b>-</b>	<b>21</b>	<b>47,637</b>

### 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

\* Hartanah terdiri daripada:

	<b>Tanah pegangan pajak RM'000</b>	<b>Bangunan atas tanah pegangan pajak RM'000</b>	<b>Jumlah RM'000</b>
<b>2008</b>			
<b>Kos</b>			
<b>Pada 1 Julai 2007</b>	8,894	50,260	59,154
Kesan penerimgunaan FRS 117	(8,894)	-	(8,894)
<b>Pada 1 Julai 2007 (dinyatakan semula)</b>	-	50,260	50,260
Perbezaan pertukaran	-	185	185
<b>Pada 30 Jun 2008</b>	-	50,445	50,445
<b>Susutnilai dan Kerugian Rosot Nilai Terkumpul</b>			
<b>Pada 1 Julai 2007</b>	702	8,004	8,706
Kesan penerimgunaan FRS 117	(702)	-	(702)
Kerugian rosot nilai	-	74	74
<b>Pada 1 Julai 2007 (dinyatakan semula)</b>	-	8,078	8,078
Caj tahun semasa	-	1,007	1,007
Perbezaan pertukaran	-	117	117
<b>Pada 30 Jun 2008</b>	-	9,202	9,202
<b>Nilai Buku Bersih</b>	-	41,243	41,243

### 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

	<b>Tanah pegangan pajak RM'000</b>	<b>Bangunan atas tanah pegangan pajak RM'000</b>	<b>Jumlah RM'000</b>
<b>2007</b>			
<b>Kos</b>			
<b>Pada 1 Julai 2006 (dinyatakan sebelumnya)</b>	8,894	50,335	59,229
Kesan penerimagunaan FRS 117	(8,894)	-	(8,894)
<b>Pada 1 Julai 2007 (dinyatakan semula)</b>	-	50,335	50,335
Perbezaan pertukaran	-	(75)	(75)
<b>Pada 30 Jun 2007</b>	-	50,260	50,260
<b>Susutnilai dan Kerugian</b>			
<b>Rosot Nilai Berkumpul</b>			
<b>Pada 1 Julai 2006 (dinyatakan sebelumnya)</b>	598	7,044	7,642
Kesan penerimagunaan FRS 117	(598)	-	(598)
Kerugian rosot nilai	-	74	74
<b>Pada 1 Julai 2007 (dinyatakan semula)</b>	-	7,118	7,118
Caj tahun semasa	-	1,006	1,006
Perbezaan pertukaran	-	(46)	(46)
<b>Pada 30 Jun 2007</b>	-	8,078	8,078
<b>Nilai Buku Bersih</b>	-	42,182	42,182

**4. HARTANAH PELABURAN**

	<b>Tanah pegangan pajak dan bangunan RM'000</b>	<b>Tanah milik bebas dan bangunan RM'000</b>	<b>Jumlah RM'000</b>
<b>Pada 1 Julai 2007/30 Jun 2008</b>	-	1,430	1,430
<b>Pada 1 Julai 2006</b>	218	1,585	1,803
Pelupusan	(218)	(155)	(373)
<b>Pada 30 Jun 2007</b>	-	1,430	1,430

**5. PAJAKAN TANAH PRABAYAR**

	<b>Tanah pegangan pajak RM'000</b>
<b>2008</b>	
<b>Kos</b>	
<b>Pada 1 Julai 2007 (dinyatakan sebelumnya)</b>	-
Kesan penerimgunaan FRS 117	8,894
Pada 1 Julai 2007 (dinyatakan semula)	8,894
<b>Pelunasan Berkumpul</b>	
Pada Julai 2007	702
Pelunasan tahun semasa	104
Pada 30 Jun 2008	8,088
<b>2007</b>	
<b>Kos</b>	
<b>Pada 1 Julai 2006 (dinyatakan sebelumnya)</b>	-
Kesan penerimgunaan FRS 117	8,894
Pada 1 Julai 2006 (dinyatakan semula)	8,894
<b>Pelunasan Berkumpul</b>	
Pada Julai 2007	598
Pelunasan tahun semasa	104
Pada 30 Jun 2007	8,192

Tanan pegangan pajak dinilai semula oleh firma penilai bebas profesional pada 29 Jun 2007.

**6. ASET TIDAK KETARA**

	<b>Perisian komputer</b>	
	<b>2008</b>	<b>2007</b>
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
<b>Kos</b>		
Pada awal tahun kewangan	6,626	6,615
Pertambahan	5	26
Perbezaan pertukaran	38	(15)
Pada akhir tahun kewangan	<u>6,669</u>	<u>6,626</u>
<b>Pelunasan dan rosot nilai terkumpul</b>		
Pada awal tahun kewangan	6,023	5,388
Pelunasan	572	647
Perbezaan pertukaran	35	(12)
Pada akhir tahun kewangan	<u>6,630</u>	<u>6,023</u>
<b>Nilai Buku Bersih</b>	<u>39</u>	<u>603</u>

**7. PELABURAN**

	<b>2008</b>		<b>2007</b>	
	<b>Kos</b>	<b>Nilai*</b>	<b>Kos</b>	<b>Nilai*</b>
	<b>RM'000</b>	<b>pasaran/ indikatif RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>pasaran/ indikatif RM'000</b>
Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS")*	15,991		8,751	
Pelunasan premium bersih	(215)		(381)	
	<u>15,776</u>	<u>13,915</u>	<u>8,370</u>	<u>8,704</u>
Terbitan Pelaburan Kerajaan ("GII")*	2,404		2,403	
Pertambahan diskaun	204		94	
	<u>2,608</u>	<u>2,626</u>	<u>2,497</u>	<u>2,585</u>
Bon cagamas*	-		25,015	
Pelunasan premium	-		(13)	
	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>25,002</u>	<u>24,987</u>

**7. INVESTMENTS (CONT'D)**

	2008		2007	
	Kos RM'000	Nilai* pasaran/ indikatif RM'000	Kos RM'000	Nilai* pasaran/ indikatif RM'000
Sekuriti Kerajaan Singapura ("SGS")*	45,379		26,014	
Pelunasan premium bersih	(91)		(25)	
Peruntukan untuk pengurangan nilai	(1,678)		-	
	<u>43,610</u>	<u>43,610</u>	<u>25,989</u>	<u>26,606</u>
Bon Jaminan Kerajaan Malaysia ("MGGB")*	20,046		8,797	
Pelunasan premium bersih	(556)		(392)	
	<u>19,490</u>	<u>18,855</u>	<u>8,405</u>	<u>8,926</u>
Bon khazanah*	2,281		2,281	
Pertambahan diskaun bersih	196		92	
	<u>2,477</u>	<u>2,479</u>	<u>2,373</u>	<u>2,398</u>
Sijil Deposit Boleh Niaga ("NCD")*	25,182		25,182	
(Pelunasan premium)/pertambahan diskaun bersih	(20)		11	
	<u>25,162</u>	<u>25,064</u>	<u>25,193</u>	<u>26,000</u>
Disebuttharga di Malaysia:				
Saham dan waran korporat	81,706		57,307	
Peruntukan untuk pengurangan nilai	(835)		-	
	<u>80,871</u>	<u>90,835</u>	<u>57,307</u>	<u>84,911</u>
Unit amanah dan hartanah	7,969		5,210	
Peruntukan untuk pengurangan nilai	(58)		-	
	<u>7,911</u>	<u>8,648</u>	<u>5,210</u>	<u>6,545</u>
Disebuttharga di luar Malaysia:				
Bon/saham pinjaman korporat	50,386		49,081	
Pelunasan premium bersih	(554)		(262)	
Peruntukan untuk pengurangan nilai	(533)		-	
	<u>49,299</u>	<u>49,299</u>	<u>48,819</u>	<u>49,420</u>

**7. PELABURAN (SAMBUNGAN)**

	2008		2007	
	Kos RM'000	Nilai* pasaran/ indikatif RM'000	Kos RM'000	Nilai* pasaran/ indikatif RM'000
Saham korporat	11,841		14,742	
Peruntukan untuk pengurangan nilai	(3,726)		(68)	
	<u>8,115</u>	<u>8,160</u>	<u>14,674</u>	<u>16,769</u>
Tidak disebut harga di Malaysia:				
Bon/saham pinjaman korporat	135,449		141,202	
Pertambahan diskaun bersih	2,015		1,194	
Kerugian terjejas	(4,346)		(4,346)	
	<u>133,118</u>		<u>138,050</u>	
Saham dan waran korporat	518		518	
Peruntukan untuk pengurangan nilai	(228)		(228)	
	<u>290</u>		<u>290</u>	
Pinjaman korporat	<u>7,050</u>		<u>8,450</u>	
Tidak disebut harga di luar Malaysia:				
Bon/saham pinjaman korporat	4,811		6,767	
Pertambahan diskaun bersih	-		1	
Peruntukan untuk pengurangan nilai	(239)		-	
	<u>4,572</u>		<u>6,768</u>	
Saham korporat	<u>2,262</u>		<u>3,373</u>	
Deposit tetap dan panggilan dengan:				
Bank komersial berlesen	124,879		115,086	
Institusi-institusi kewangan lain**	88,178		62,481	
	<u>213,057</u>		<u>177,567</u>	
Deposit berstruktur - asing	<u>19,000</u>		<u>15,000</u>	
Jumlah pelaburan	<u>634,668</u>		<u>573,337</u>	

